



21 APR, 2026

## Kedudukan teratas belum jamin peluang Maybank

Utusan Malaysia, Malaysia



# Kedudukan teratas belum jamin peluang Maybank

**PETALING JAYA:** Ketua jurulatih Maybank, Iman Gobinathan Abdullah menyifatkan masih terlalu awal untuk menyaksikan penguasaan pasukannya dalam saingan Liga Hoki Malaysia (LHM) musim ini.

Selepas mengharungi tiga aksi, Maybank mengungguli carta liga dengan tujuh mata dan Iman berkata, pasukanya kini berada di landasan terbaik dalam saingan LHM namun perjalanan mereka masih jauh.

“Liga masih jauh malah masih banyak perkara yang perlu kami perbaiki bagi membolehkan ia memberi impak positif kepada pasukan kerana kami masih belajar untuk menjadi yang terbaik.

“Begitu pun, permulaan yang baik untuk pasukan di mana segala persediaan yang kami lakukan ketika pra musim lalu membuahkan hasil di mana pemain-pemain baharu menunjukkan keserasian dengan pasukan,” katanya.

Iman turut menghargai kerjasama yang diberikan oleh pemain senior apabila memainkan peranan mereka bagi membentuk keharmonian dalam pasukan.

“Pemain senior banyak memberi sokongan dan tunjuk ajar mereka kepada junior dan apabila ini berlaku, motivasi pemain junior meningkat sebab mereka dapat bimbi-



**Liga masih jauh malah masih banyak perkara yang perlu kami perbaiki bagi membolehkan ia memberi impak positif kepada pasukan kerana kami masih belajar untuk menjadi yang terbaik.”**

ngan daripada senior,” katanya.

Kelmarin, Maybank melakar kemenangan besar selepas membelasah TNB Thunderbolts 7-0 meninggalkan TNB ThunderStars di tempat kedua manakala Pasukan Hoki Terengganu (THT) di kedudukan ketiga.

“Kredit kepada pemain apabila mereka mendapatkan gol awal mereka ‘mematikan’ perlawanan tersebut dengan awal. Keputusan yang bagus untuk pasukan kami,” katanya.